



**PEPERIKSAAN AKHIR / FINAL EXAMINATION
SEMESTER II – SESI 2020/2021**

KOD KURSUS : MPU2212
COURSE CODE

NAMA KURSUS : BAHASA KEBANGSAAN A
COURSE NAME

TAHUN/PROGRAM : 1 / DIPLOMA KTD
YEAR/PROGRAMME

TEMPOH : 2 JAM
DURATION : 2 HOURS

TARIKH : APRIL 2021
DATE

**ARAHAN
INSTRUCTION**

1. JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BAHAGIAN A, BAHAGIAN B DAN BAHAGIAN C.
ANSWER ALL QUESTIONS IN PART A, PART B AND PART C.
2. CALON DIKEHENDAKI MEMATUHI SEMUA ARAHAN PEPERIKSAAN.
CANDIDATES ARE REQUIRED TO FOLLOW ALL EXAMINATION INSTRUCTIONS.

NO. K/P <i>I/C NO.</i>	
TAHUN/PROGRAM <i>YEAR/PROGRAMME</i>	
NAMA PENSYARAH <i>LECTURER'S NAME</i>	

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI 11 MUKA SURAT BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN
THIS EXAMINATION PAPER CONSISTS OF 11 PAGES INCLUDING THE FRONT PAGE

BAHAGIAN A 20 Markah
[PART A 20 Marks]

Jawab **semua** soalan.

[Answer all question]

1. Manakah pernyataan yang **benar** tentang definisi awal istilah perkataan Melayu?

- A Merujuk kepada suku bangsa serumpun di Nusantara.
- B Merujuk kepada satu tempat di utara pantai timur Semenanjung Malaysia.
- C Merujuk kepada orang Melayu yang berpindah dari Yunan dan menuju ke kawasan selatan.
- D Merujuk kepada manusia yang menunturkan Bahasa Melayu dan masyarakat yang beragama Islam.

Soalan 2 berdasarkan senarai di bawah

Batu Bersurat	
X	<ul style="list-style-type: none"> • Dijumpai oleh J.K Van der Meulen • Menggunakan huruf Palava • Antara kandungannya ialah seruan kepada para dewa untuk melindungi kerajaan Sriwijaya, selain mengutuk penderhaka kepada kerajaan waktu itu
Y	<ul style="list-style-type: none"> • Dijumpa oleh L.C Westenek • Menggunakan huruf Palava • Antara kandungannya ialah Raja Jananasa berdoa agar rakyatnya memperoleh hasil tanaman yang banyak

2. Padanan yang manakah **betul** tentang batu bersurat yang dinyatakan di atas?

	X	Y
A	Batu bersurat di Gandasuli	Batu bersurat di Karang Brahi
B	Batu bersurat di Talang Tuwo	Batu bersurat di Kota Kapur
C	Batu bersurat di Kota Kapur	Batu bersurat di Talang Tuwo
D	Batu bersurat di karang Brahi	Batu bersurat di Gandasuli

Soalan 3 berdasarkan pernyataan di bawah

3. Pilih fungsi yang benar Bahasa Melayu Klasik dengan contohnya

	Fungsi Bahasa Melayu Klasik	Contoh
A	Sebagai bahasa ilmu	Penghasilan daftar kata bagi Bahasa Melayu –Inggeris.
B	Sebagai Lingua Franca	Orang Barat yang menjajahi Kepulauan Melayu menggunakan bahasa Melayu ketika berbincang dengan pihak kerajaan tempatan.
C	Sebagai bahasa Persuratan	Banyak manuskrip tulisan tangan dihasilkan, seperti Syair Dagang, Mirat al-Mukmin, dan Rubai Hamzah Fansuri.
D	Sebagai bahasa undang-undang	Hukum kanun Pahang menjadi sumber rujukan bagi menentukan hukuman.

4. Fungsi bahasa baku adalah sebagai lambang

- I Penyatuan penduduk dalam sesebuah negara
- II Identiti sesebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum
- III Pemisah antara penutur bahasa yang asalnya sama tetapi terkelompok di dalam negara yang berbeza
- IV Keupayaan penutur sesuatu bahasa itu mengungkapkan sesuatu yang bersifat konseptual dan intelektual.

A I dan II

C II dan IV

B I dan III

D III dan IV

Soalan 5 berdasarkan senarai di bawah

Akta		Perkaitan dengan Bahasa Melayu	
I	Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan	P	Bahasa kebangsaan hendaklah digunakan dalam semua urusan rasmi kerajaan, sama ada urusan secara rasmi kerajaan, sama ada urusan secara lisan atau tulisan.
II	Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67	Q	Bahasa kebangsaan diperkaya dengan pelaksanaan program pembinaan bahasa untuk penyelidikan bahasa, perkamusan dan peristilahan.
III	Akta Pendidikan 1996	R	Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen
IV	Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 (Pindaan 1995)	S	Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan yang dikecualikan.

5. Yang manakah padanan yang betul antara akta dengan perkaitannya tentang perkembangan bahasa Melayu di negara ini

	I	II	III	IV
A	Q	R	S	P
B	R	S	P	Q
C	Q	P	R	S
D	R	P	S	Q

6. Yang manakah perkataan yang menggunakan e-taling pada suku kata pertama?

- A Gegelang
- B Sebelah
- C Bebelan
- D Pelebur

Memburu kancil di Gunung Daik,
 Di lembah nan jauh, hendaplah rusa,
 Indah pantai di Teluk Batik,
 Angin bertiup sepoi-sepoi bahasa

7. Dalam puisi di atas, yang manakah pasangan perkataan yang mengandungi diftong?

- A Daik, pantai
- B Jauh, bertiup
- C Bertiup, sepoi-sepoi
- D Sepoi-sepoi, pantai

Soalan 8 berdasarkan rajah di bawah :

8.

	Nama Konsonan		Contoh Perkataan
I	Letusan lelangit keras bersuara	P	Payung
II	Letupan gusi tak bersuara	Q	Ghaib
III	Sepuluh vocal lelangit keras	R	Jaring
IV	Geseran lelangit lembut bersuara	S	Pantang

Yang manakah padanan yang betul antara nama konsonan dengan contoh perkataan yang mengandungi konsonan tersebut?

	I	II	III	IV
A	R	S	P	Q
B	S	P	R	Q
C	Q	P	S	R
D	R	Q	P	S

9. Manakah kata ganda semua?

- I Ura-ura
- II Gen-gen
- III Labi-labi
- IV Blok-blok

- | | | | |
|---|-----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan IV |
| B | I dan III | D | III dan IV |

10. Manakah ayat yang menggunakan kata hubung keterangan akibat?

- A Aisyah terlalu memanjakan anaknya sehingga Aisyah menjadi terlalu nakal.
- B Oleh sebab Akmal terlibat dalam kes buli pelajar, dia digantung persekolahan selama dua minggu.
- C Jiran kami memang suka menonton televisyen hingga larut malam, terutamanya pada hujung minggu.
- D Kejadian ragut berlaku di kawasan rekreasi itu semalam kendatipun kawasan itu telah diistiharkan sebagai kawasan selamat.

11. Ayat yang manakah menggunakan kata 'lalu' sebagai kata tugas?

- A Raihana bangun lalu menjawab soalan pensyarah itu.
- B Saya tidak lalu makan sebaik sahaja mendapat tahu dia ditahan polis.
- C Mak Cik Ana sering menegur saya semasa saya lalu di hadapan rumahnya.
- D Kebersihan kedai makan penting untuk menarik perhatian orang yang lalu di situ.

12. Manakah kata yang menggunakan imbuhan kata nama?

- A Beraja
- B Telunjuk
- C Gemerlap
- D Berlanjutan

13. Berikut merupakan ciri-ciri frasa, **kecuali**

- A Boleh menjadi unit yang lebih besar.
- B Boleh terdiri daripada satu patah perkataan.
- C Boleh menjadi unsur kepada frasa itu sendiri.
- D Boleh dipisahkan unsurnya daripada satuannya.

14. Ayat yang manakah mempunyai kata yang mengandungi vokal rangkap?

- I Masjid untuk meraikan kejayaannya diadakah esok.
- II Kenaikan harga minyak memang sudah pun dijangka.
- III Ibu bapa tidak wajar mengabaikan pelajaran anak-anak.
- IV Kami kehairanan melihat telatah pemuda yang tiba-tiba menjerit itu.

- | | | | |
|---|-----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan IV |
| B | I dan III | D | III dan IV |

Soalan 10 berdasarkan rajah di bawah

- Hujung lidah didekatkan pada gusi untuk menyepitkan laluan udara.
 - Udara keluar melalui sempitan itu.
 - Lelangit lembut dinaikkan
 - Pita suara bergetar

15. Perkataan yang manakah mengandungi konsonan yang dihasilkan dengan cara di atas?

- A Membazir
- B Syarahan
- C Mubaligh
- D Berkhidmat

16. Manakah ayat yang mempunyai frasa adjektif yang binaannya memperlihatkan keserasian makna?

- A Seorang pelawak daripada kumpulan itu gemuk gedempol.
- B Sifat gagah berani askar itu mendapat pujian pegawai atasannya.
- C Baik buruk pelaksanaan GST memang telah diteliti oleh kerajaan.
- D Penonton kelihatan tertarik oleh tariannya yang lemah gemalai itu.

17. Manakah ayat yang terdiri daripada satu klausa?

- A Dia minum sambil menonton televisyen.
- B Adik terkejut lalu terjaga daripada tidurnya.
- C Para remaja itu berbual sehingga tengah malam.
- D Pasangan itu bertengkar hingga mengganggu orang lain.

18. Manakah ayat tunggal?

- A Pokok kelapa yang tinggi itu akan ditebang.
- B Remaja itu terpaksa bekerja demi membantu keluarganya.
- C Di tanah perkuburan, lelaki itu meratapi pemergian ibunya.
- D Dia meminjam wang daripada saya untuk melunaskan hutangnya.

19. Manakah ayat majmuk?

- A Dia kasar lagi bengis sewaktu menguruskan anak-anaknya
- B Beliau dicalonkan sebagai wakil rakyat hingga penggal yang keempat.
- C Penduduk kampung itu lebih bertanggungjawab daripada penduduk kampung saya.
- D Keunikan menara condong di Telok Anson sudah sekian lama menjadi tarikan para pelancong.

20. Manakah ayat **tidak** boleh dipasifkan?


- I Dia memberanikan diri ke rumah using itu.
 - II Syafiq ingin menjadi seorang pegawai tentera.
 - III Pegawai yang bertugas akan membuat laporan.
 - IV Kaunselor itu memberikan motivasi kepada mangsa.
- | | |
|-------------|--------------|
| A I dan II | C II dan IV |
| B I dan III | D III dan IV |

BAHAGIAN B 30 Markah
[PART B 30 Marks]

Jawab **semua** soalan.

[Answer all question]

Rajah di bawah menunjukkan penghasilan bunyi vokal dalam Bahasa Melayu




1. Nyatakan penghasilan bunyi vokal dalam Bahasa Melayu

i.

ii.

iii.

(6 M)



2. Berdasarkan rajah di atas:

i. Apakah nama bagi X?

.....

ii. Berikan satu contoh konsonan separuh vokal X dan separuh vokal langit keras?

.....
.....

(6 M)

3. Berikan **satu** perkataan gandaan berentak bagi setiap golongan kata yang dinyatakan di bawah.

Golongan kata	Penggandaan berentak	
	Pengulangan vokal	Pengulangan konsonan
Kata Nama		
Kata Kerja		
Kata Adjektif		

(6 M)

4. Jejaka tinggi lampai itu pemain bola sepak bagi pasukan Selangor

- i. Apakah fungsi frasa yang bergaris dalam ayat di atas

.....

- ii. Berdasarkan ayat di atas, nyatakan :

- a) Subjek ayat :

.....

- b) Predikit ayat:

.....

(6 M)

5. Bina ayat pasif bagi setiap jenis yang dinyatakan di bawah ini.

Jenis ayat pasif	Ayat
Ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif ' ter '	
Ayat pasif dengan imbuhan di- bukan kata ganti nama diri orang ketiga	
Ayat pasif dengan perkataan kena yang hadir sebelum kata kerja	

(6 M)

BAHAGIAN C 50 Markah
[*PART C 50 Marks*]

Hasilkan sebuah karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah berdasarkan tajuk yang diberikan di bawah.

Cogan kata “ Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara” selalu disebut-sebut. Huraikan peranan belia dalam pembangunan negara.

SOALAN TAMAT
[END OF QUESTION]